

Meningkatkan Kemahiran Sosial Murid Autisme Melalui Sukan Stacking

Norhedayu Binti Abd Hamid

Sekolah Menengah Kebangsaan Pernu, Melaka
eadayu1307@gmail.com

ABSTRAK

Autism Spectrum Disorder (ASD) juga dikenali sebagai Autisme adalah satu keceleruan perkembangan yang menjelaskan perkembangan seseorang individu khususnya dalam kemahiran sosial. Murid autisme sering kali mempunyai masalah dalam bersosial dengan orang di sekeliling. Ini kerana ciri-ciri mereka sendiri yang lebih cenderung bersendirian dan kurang berinteraksi dengan orang di sekeliling. Salah satu cara yang boleh digunakan untuk meningkatkan tahap kemahiran sosial murid autisme adalah melalui sukan stacking. Melalui sukan stacking ini, ia dapat meningkatkan kemahiran sosial murid autisme dengan rakan-rakan disekelilingnya serta rakan-rakan di aliran perdana. Di samping itu, sukan ini juga dapat meningkatkan kemahiran sosialnya dengan guru-guru sama ada guru pendidikan khas atau guru di aliran perdana. Secara kesimpulannya, antara salah satu cara bagi membantu guru-guru meningkatkan tahap sosial murid autisme dengan orang di sekeliling adalah melalui sukan stacking. Diharapkan melalui sukan stacking ini, ia dapat membantu guru-guru dalam meningkatkan tahap sosial murid-murid autisme.

Kata kunci: Kemahiran sosial, Autisme, Sukan Stacking

Pengenalan Amalan Terbaik

Autisme merupakan satu sindrom yang menjelaskan fungsi otak kanak-kanak dari segi emosi, tingkah laku, komunikasi sosial, kemahiran motor kasar dan motor halus serta kognitif (Rea, LaMotte & Burrell, 2019). Berdasarkan *Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders IV* (DSM V, 2012), antara sikap yang sering ditunjukkan oleh penghidap autisme seperti sentiasa memenculkan diri dan sukar menerima perubahan kerana terlalu fokus kepada perkara rutin. Menurut Wijayapri Ni Wayan (2017), kanak-kanak autisme tidak menunjukkan reaksi balas terhadap orang lain, bermasalah dalam komunikasi, samada dalam pertuturan atau pergaulan dan keterbatasan dalam bersosial. Kemahiran sosial kanak-kanak adalah keupayaan kanak-kanak untuk mewujudkan interaksi dengan orang lain dan kesedaran tingkah laku yang boleh diterima dan tidak boleh diterima oleh orang lain. Kemahiran sosial merupakan asas untuk seseorang berjaya. Salah satu cara kanak-kanak autisme dapat meningkatkan kemahiran sosial mereka adalah semasa bermain sukan stacking.

Amalan bermain sukan stacking telah diamalkan di Kelas Pendidikan Khas Pembelajaran Sekolah Menengah Kebangsaan Pernu, Melaka bermula pada tahun 2019 hingga 2022. Murid autisme di sekolah ini mempunyai masalah sosial dengan orang di sekeliling. Ini kerana sikap mereka sendiri yang tidak menunjukkan minat untuk bercampur gaul dengan murid lain. Punca utama murid autisme di sekolah saya ialah kurang berkomunikasi dengan orang di sekeliling dan tidak boleh menyesuaikan diri dengan persekitaran.

Justifikasi Pelaksanaan Amalan Terbaik

Amalan yang dilakukan untuk meningkatkan tahap sosial murid autisme di sekolah ialah melalui permainan sukan stacking. Untuk bermain sukan stacking ini, aspek fokus, koordinasi mata dan tangan, ketangkasan serta kemahiran sosial amat penting. Ini kerana permainan ini menguji ketangkasan murid dalam bermain serta boleh bersosial dengan orang di sekeliling. Murid autisme pada asalnya tidak mahu bersosial dengan rakan-rakan di dalam kelas dan hanya menjawab pertanyaan guru apabila ditanya sahaja. Kenyataan ini disokong oleh Heward (2013), murid autisme ini lebih suka menyendiri daripada bergaul dengan rakan-rakan di dalam kelas. Guru-guru yang mengajar murid ini menghadapi kesukaran apabila murid ini tidak mahu melibatkan diri dalam aktiviti yang diadakan di dalam kelas.

Rentetan dari masalah murid autisme ini, saya mencuba untuk mencari cara yang terbaik untuk murid ini mampu bersosial dengan orang di sekeliling sekaligus dapat menyesuaikan diri dengan rakan-rakan di sekelilingnya. Menurut Fariza et al, 2017, kanak-kanak autisme sangat fokus pada diri sendiri dan tidak mempedulikan apa-apa yang berlaku di persekitaran mereka. Namun begitu, murid autisme juga mempunyai pelbagai kemahiran yang tidak ada pada individu lain (Liew, 2018). Antara kelebihan murid autisme ini ialah ia lebih berfokus dengan sesuatu perkara yang diminati. Apabila sesuatu perkara yang ia sukai, murid autisme akan laksanakan sehabis baik. Oleh yang demikian, guru mencuba memberi peluang murid ini bermain sukan stacking bersama rakan-rakan yang lain untuk membantu murid ini bersosial dengan rakan-rakannya

Objektif Pelaksanaan

Objektif pelaksanaan amalan terbaik ini ialah:

1. Meningkatkan tahap kemahiran komunikasi murid autisme dengan orang di sekeliling
2. Meningkatkan tahap kemahiran penyesuaian diri murid autisme

Amalan Terbaik yang Dilaksanakan

Sebelum melaksanakan amalan baik ini, guru telah merangka beberapa pelan perancangan supaya guru dapat memahami tindakan yang tepat untuk dilaksanakan agar matlamat dapat dicapai. Bagi mencapai matlamat tersebut, guru telah membuat rujukan bagi membolehkan amalan ini dapat dilaksanakan untuk membantu murid autisme. Justeru, kaedah amalan yang berkesan untuk mengatasi masalah

kemahiran sosial dalam kalangan murid autisme diperlukan (Cavanaugh & Rademacherin, 2014). Kaedah yang digunakan ialah bermain sukan stacking sebagai amalan dalam meningkatkan tahap sosial murid autisme. Berikut merupakan perancangan dalam melaksanakan amalan terbaik ini.

Fasa 1: Mengenal pasti Isu

Dalam mengenal pasti isu masalah ini, guru telah membuat pemerhatian senarai semak dokumen. Hasil daripada pemerhatian guru, murid autisme mengalami masalah untuk berkomunikasi dengan rakan-rakan di kelasnya dan lebih suka menyendirikan.

Fasa 2: Perancangan Tindakan Amalan Terbaik

Sebelum guru menjalankan amalan ini, guru telah merancang langkah-langkah yang perlu diambil untuk mencapai matlamat guru. Kaedah yang digunakan dalam amalan terbaik sekolah guru ialah sukan stacking sebagai kaedah untuk meningkatkan kemahiran sosial murid autisme. Berikut merupakan langkah-langkah dalam melaksanakan amalan terbaik sekolah saya.

Jadual 2
Perancangan Amalan Terbaik





LANGKAH 4

Guru akan memberi arahan kepada murid untuk menyusun cawan bagi disiplin 333 terlebih dahulu, diikuti disiplin 363 dan disiplin cycle. Murid akan menyusun cawan mengikut disiplin yang guru sebutkan. Guru membuat pemantauan setiap murid semasa murid menyusun cawan.



LANGKAH 5

Setelah murid dapat menyusun cawan mengikut disiplin dengan betul, guru memberi masa kepada murid membuat latihan secara individu dan berkumpulan.

Fasa 3: Pelaksanaan Amalan Terbaik

Dalam fasa 3 ini, guru telah menjalankan perancangan yang telah rancang di fasa 2 bagi memastikan guru mencapai objektif yang telah ditetapkan. Melalui jadual yang telah disediakan, ia dapat membantu guru membuat kaedah secara lebih teratur. Tempoh pelaksanaan kaedah ialah selama 3 minggu. Setiap minggu dijalankan sebanyak 3 hari iaitu hari Selasa, Rabu dan Khamis yang mengambil masa selama 60 minit setiap sesi di Sekolah Menengah Kebangsaan Pernu, Melaka. Langkah-langkah pelaksanaan aktiviti adalah seperti berikut:

Jadual 3
Pelaksanaan Amalan Terbaik

Minggu	Masa	Aktiviti	Catatan
1	10.30-11.30 pagi (Selasa-Khamis)	-Murid diajar bermain disiplin 333 -Murid diminta menunjuk cara menyusun disiplin 333 kepada guru. -Murid bermain disiplin 333 secara individu dalam kumpulan	Guru akan membuat pemerhatian setiap kali aktiviti dijalankan
2	10.30-11.30 pagi (Selasa-Khamis)	-Murid diajar bermain disiplin 363 -Murid diminta menunjuk cara menyusun disiplin 333 kepada guru. -Murid bermain disiplin 363 secara individu dalam kumpulan	
3	10.30-11.30	-Murid diajar bermain disiplin cycle	

	pagi (Selasa-Khamis)	<ul style="list-style-type: none"> -Murid diminta menunjuk cara menyusun disiplin 333 kepada guru. -Murid bermain disiplin cycle secara individu dalam kumpulan 	
--	-------------------------	---	--

Fasa 4: Mengumpul dan Menganalisis Data


Pengumpulan data sangat penting kerana ia akan membuktikan sama ada kaedah yang dilaksanakan berjaya atau tidak untuk diamalkan. Oleh itu, guru telah menggunakan kaedah pemerhatian dalam amalan terbaik ini yang telah dijalankan selama 3 minggu. Kaedah pemerhatian merupakan kaedah utama yang digunakan dalam pengumpulan data memandangkan guru ingin melihat masalah kemahiran sosial murid autisme. Berdasarkan Noraini Idris (2010), kaedah pemerhatian membolehkan guru melihat sesuatu situasi secara menyeluruh.

Fasa 5: Refleksi Amalan Terbaik



Refleksi dari amalan tersebut, guru dapat terdapat kekuatan dan kelemahan semasa menjalankan amalan tersebut. Disebabkan itu, guru akan melakukan penambahbaikan supaya ia dapat diamalkan oleh guru-guru lain.

Langkah- Langkah Pelaksanaan Amalan Terbaik




A) Disiplin 333






LANGKAH -LANGKAH	KETERANGAN
UP STACKING	 <p>UP stacking</p> <p>Start with 3 cups.</p> <p>Lift top cup with right hand and set next to bottom cup.</p> <p>Lift middle cup with left hand and place on top.</p>
DOWN STACKING	 <p>Down stacking</p> <p>Place right hand around side of top cup and left around side of bottom left cup.</p> <p>Slide top cup in right hand down over bottom of right cup. Bring cup in left hand up, over and down on to middle cup.</p> <p>Voila! You are now back to your original stack of 3 cups and ready to go again. PRACTICE!</p>
MULAKAN PERMAINAN	 <p>Step2: The 3-3-3 Stack</p> <p>The first competitive stack in sport stacking.</p> <p>Three stacks of 3 cups.</p> <p>Up stack each stack, working from left to right.</p> <p>GO BACK and down stack from left to right. PRACTICE!</p>

B) Disiplin 363

LANGKAH -LANGKAH	KETERANGAN
UP STACKING	 <p>UP stacking</p> <p>Start with 6 cups.</p> <p>Pick up 3 cups in right hand at first and then 3 in left leaving 1. Hold cups together with "pinkies" under bottom cups. Spread cups apart with fingers.</p> <p>Release bottom cup in right hand to tight of center. Release next cup from left hand to left side of center. Three cups now form the base of your pyramid.</p> <p>Release next cup in right hand on top of center and right sides that form base. Set last cup in right hand next to it... Set last cup (in right hand) on top.</p>
DOWN STACKING	 <p>Down stacking</p> <p>Place hands around sides of cups as shown.</p> <p>At same time, slide down right with right hand, and left with left hand.</p>
MULAKAN PERMAINAN	 <p>Start like this.</p> <p>Working from left to right, up stack the 3, the 6 and then the 3.</p> <p>THEN GO BACK TO THE BEGINNING to down stack in the same order. Remember: THIS IS THE RULE!</p>

C) Disiplin Cycle

LANGKAH -LANGKAH	KETERANGAN
UP STACK 363	 <p>Step1: Up stack the 3-6-3</p> <p>Up stack a 3-6-3 from left to right.</p>
DOWN STACK 363	 <p>Step2: Down stack the 3-6-3 and transition to the 6-6</p> <p>Return to the left and down stack the first 3 and then the 6. Down stack last 3 on right and bring to 3 on left, but don't put them "on" that 3. You are now ready to up stack the 6-6.</p>
UP STACK 6 6	 <p>Step3 Up stack the 6-6</p> <p>With left hand, pick up two cups off the left 3, leaving 1. Using the 3-2-1 method, up stack the first 6. Now up stack the second 6 (use 3-2-1 method)</p>

DOWN STACK 6 6 TO 1-10-1	 <p>Step4: Down stack the 6-6 and transition to the 1-10-1</p> <p>Use first 6 (partially down stacked with 3 cups in each hand) to down stack second 6 as shown. Finish with all 12 cups in a down-stack position. Now ready for 1-10-1.</p> <p>PHASE THREE: 1-10-1</p>
PLACE SINGLE CUP	 <p>Step5: Place single cuos</p> <p>Take one cup in each hand off top of 12, flipping one upside down (you choose) and place on either side of what is now a 10 stack.</p> <p>To place upside-down cup, rather than rotating cup in TIP your hand, simply turn your hand, thumb down and palm facing out.</p>
UP STACK 10 (5-4-1)	 <p>Step6: Up stack 10(5-4-1 method)</p> <p>Using the 5-4-1 method pick up 5 cups in right hand and drop 4 up to right of 10. Then drop 1 cup in left hand. Now drop 10 right with right hand. Then drop 4 left with left hand. Now drop 1 from left hand on the "center" of 4 of 5. Then drop 1 from left hand on the "center" of 3 of 4. Then drop 1 from left hand on the "center" of 2 of 3. Then drop 1 from left hand on the "center" of 1 of 2. Then drop 1 from left hand on the "center" of 1 of 1. Congratulations! Just 2 more steps to go!</p> <p>TIP Memorize "Right, left, right, center," then use 3-2-1 method to complete the 10.</p>
TURN & TAP SINGLE CUPS	 <p>Step7: Turn & "tap" single cups</p> <p>To begin down stack of 1-10-1, single cups need to be turned to their opposite edges and "tapped" once on the stacking surface. Then turn them into position above the 10 ready to down stack.</p> <p>TIP Grab single cups with hands in same position as you placed them originally (hand on upside-down cup in place). Now turn both cups in same direction as if turning off two water faucets at same time.</p>
DOWN STACK 10 AND END 363	 <p>Right hand then picks up all 5 cups and brings them up, right beside the left hand holding the single cup. Both hands now "drag" diagonally down from upper right to lower left through remaining 3 stack. Left hand takes down 2 outer cups, while right hand places 5 cups onto the single cup in the middle, thereby ending in a 3-6-3. YOU DID IT!</p>

Gambar Pelaksanaan Amalan Terbaik



Murid autisme bermain disiplin 333 bersama ahli kumpulannya



Murid autisme bermain disiplin 363 bersama ahli kumpulannya




Murid autisme bermain disiplin cycle bersama ahli kumpulannya

Keberkesanan Amalan Terbaik yang Dilaksanakan

Pemerhatian

Sebelum amalan ini dilaksanakan, murid autisme didapati kurang berkomunikasi dengan rakan-rakannya dan tidak pandai menyesuaikan diri. Kebiasaan mereka murid autisme ini lebih suka bersendirian dan tidak mahu berkomunikasi dengan orang lain. Selepas melaksanakan amalan bermain sukan stacking ini, di dapati murid autisme ini mula berkomunikasi dengan orang lain dan pandai menyesuaikan diri apabila berada di kalangan murid-murid lain. Guru mendapati melalui sukan stacking ini ia dapat meningkatkan tahap kemahiran sosial murid autisme.



Gambar 1

Murid autisme berkomunikasi semasa bermain Sukan Stacking acara berpasukan

Gambar 2

Murid autisme boleh menyesuaikan diri bersama rakan-rakan dari sekolah lain



Gambar 3

Murid autisme menunjuk cara bermain sukan stacking pada murid-murid di aliran perdana

Rumusan dan Cadangan

Kemahiran sosial kanak-kanak autisme adalah berbeza-beza dan pelbagai. Kanak-kanak autisme sememangnya mempunyai defisit dalam memahami dan menggunakan kemahiran sosial dengan efektif (Adam et. al ,2004). Kelemahan mereka dalam aspek kemahiran sosial ini menyukarkan mereka untuk mengikuti proses pembelajaran dan seterusnya menjelaskan kualiti kehidupan seharian mereka. Oleh itu, amalan terbaik perlu dilaksanakan bagi membantu kanak-kanak autisme meningkatkan kemahiran sosial mereka agar mereka lebih berpeluang berkomunikasi dan berinteraksi seperti kanak-kanak biasa yang lain. Kesimpulannya, setelah saya berjaya menggunakan amalan terbaik ini, ia sedikit sebanyak telah mengubah tahap kemahiran sosial murid autisme dengan orang di sekeliling. Amalan terbaik ini telah memberi implikasi penting kepada guru, murid dan ibubapa murid tersebut. Guru

merasakan perlunya satu pelaksanaan amalan terbaik yang berkesinambungan setelah melihat keberkesanan modul ini terhadap murid autisme.

Rujukan

- Adams, L., Gourousis, A., Van Lue M., & Waldron, C. (2004). Social stories intervention : improving communication skills in a child with an autism spectrum disorder. *Focus on Autism and Other Developmental Disabilities*, 19(2): 87-94.
- American Psychiatric Association. (2012). Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorder Fouth Edition (DSM-IV). American Psychiatric Organization, 33, 1–915. <https://doi.org/10.1073/pnas.0703993104>
- Cavanaugh, L.K. & Rademacherin, S.B. (2014). How a SURFing social skills curriculum can impact children with autismn spectrum disorder. *Journal of the International Association of Special Education*, 15(1), 27-35
- Fariza Md Sham, Salmihah Che Mud, Manisah Mohd Ali, Zuliza Mohd Kusrin, Rosmawati Mohamad Rasit & Siti Norlina Muhamad. (2017). Panduan syariah untuk ibu bapa menangani perilaku seksual remaja autisme. Jurnal Hadhari an International Journal.Edisi Khas
- Hweard. W. L (2013) *Exceptional Children: An Introduction to Special Education* (Ed.ke-10). Uniter State. Pearson
- Liew, G. (26 September 2018). Senior Psychiatrist, National Autistic Society of Malaysia (NASOM). (Personal interview)
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Perpustakaan Malaysia. McGraw- Hill (Malaysia). Sdn. Bhd
- Rea H., LaMotte K., Burrell T.L. (2018). What Is Autism Spectrum Disorder?. In: McNeil C., Quetsch L., Anderson C. (eds) *Handbook of Parent-Child Interaction Therapy for Children on the Autism Spectrum*. Cham, 3-26.Springer.
- Wijayapri, N. W. P. (2017). Hambatan Komunikasi pada Penyandang Autisme Remaja: Sebuah Studi Kasus. INKLUSIF, 2(1), 41. <https://doi.org/10.14421/ijds.020103>